

Prestasi Kami pada tahun 2024

Pada tahun 2024, kami telah melaksanakan rancangan strategik kami dalam lingkungan bajet yang diluluskan dan telah mencapai kemajuan yang baik, selangkah lebih dekat dengan sasaran untuk merealisasikan kesediaan. Berikut adalah sorotan pencapaian utama kami pada tahun 2024.


Tonggak Strategik 1: Merealisasikan Kesediaan Resolusi dan Pengurusan Krisis PIDM

Mempergiat dan meningkatkan keupayaan PIDM untuk melaksanakan intervensi dan resolusi institusi ahli dengan mempertingkatkan lagi kesediaan resolusi dalaman PIDM, serta memastikan pihak berkepentingan utama dapat sedia bertindak dan menyokong PIDM secara efektif dalam pelaksanaan strategi resolusi ketika situasi krisis. Tonggak Strategik 1 disokong oleh tiga bidang keputusan utama.

Inisiatif utama yang menyumbang kepada kos Tonggak Strategik 1

- Simposium Resolusi Kebangsaan (*National Resolution Symposium – NRS*) dan inisiatif perancangan resolusi
- *Interagency crisis preparedness binder*
- Rangka Kerja Penilaian Kebolehsesediaan
- Persediaan untuk latihan simulasi komprehensif yang bakal dijalankan pada tahun 2025
- Perbincangan serantau dengan pihak berkuasa resolusi asing dan kerjasama rentas sempadan
- Muzakarah pertama

Tonggak Strategik 1: RM3.0 juta



Penambahbaikan kepada modal



Modal insan



Modal intelektual



Modal pembangunan



Modal sosial dan perhubungan

KRA 1: (PIDM-Bersedia) Membolehkan tindakan intervensi dan resolusi yang mantap dan efektif oleh PIDM

Kesediaan merupakan kunci utama dalam membolehkan tindakan yang mantap dan efektif. Dalam hal ini, kami meneruskan momentum untuk menambah baik dasar, sistem dan keupayaan kami bagi melaksanakan resolusi bagi institusi ahli yang bermasalah.

Persediaan menghadapi krisis. Kami memperkukuh usaha dalam penilaian risiko dan pemantauan intervensi institusi ahli yang menyeluruh, serta penilaian makroekonomi dan industri yang efektif dan tepat pada masanya. Kami juga terus menguji proses, prosedur dan sistem ketika waktu bukan krisis untuk meningkatkan kesediaan kami bagi melaksanakan resolusi yang teratur dan efektif, yang juga merupakan sebahagian daripada persediaan untuk latihan simulasi komprehensif yang akan dilaksanakan pada tahun 2025.

Mengimbas kembali pengajaran yang diperoleh daripada latihan simulasi yang lalu dan juga krisis perbankan Amerika Syarikat baru-baru ini, kami telah meningkatkan koordinasi bersama salah satu peserta jaringan keselamatan kewangan utama, sebagai persiapan bagi memastikan institusi ahli bermasalah ditangani secara efektif. Ini termasuk penambahbaikan kriteria tindakan intervensi dan resolusi bagi membolehkan pihak berkuasa mengambil tindakan tepat pada masa. Usaha lain termasuk mengadakan pendekatan berperingkat bagi pelaksanaan dan koordinasi tindakan selepas kriteria intervensi dan resolusi ditepati, serta mempertingkatkan kuasa intervensi pihak berkuasa bagi membolehkan tindakan yang sesuai dalam menangani institusi ahli bermasalah.

Resolusi berlandaskan Syariah. Salah satu tumpuan utama pada tahun 2024 adalah untuk meningkatkan agenda PIDM mengenai resolusi berlandaskan Syariah. Buat julung kalinya, kami telah menganjurkan Muzakarah yang bertemakan “Mekanisme Pemindahan Perniagaan, Aset dan Liabiliti Institusi Perbankan Islam”.



Sesi tersebut dihadiri terutamanya oleh pakar Syariah industri perbankan Islam, bertujuan untuk mengenal pasti dan menangani cabaran bagi resolusi teratur institusi perbankan Islam. Ia menyediakan platform untuk peserta mengupas dan membincangkan pembangunan pendekatan resolusi patuh Syariah, khususnya bagi mekanisme pemindahan. Melangkah ke hadapan, perbincangan dengan pakar Syariah mengenai topik resolusi akan diteruskan untuk menyokong usaha kami bagi menggalakkan naratif dan bicara mengenai resolusi berlandaskan Syariah.

KRA 2: (Industri-Bersedia) Memperkukuh kebolehselesaian institusi ahli dan meningkatkan kesediaan penyedia perkhidmatan

Hubungan kerjasama antara PIDM dan industri dalam memastikan keupayaan, kapasiti dan pengaturan tadbir urus adalah penting untuk menyokong PIDM ketika berlakunya intervensi dan resolusi institusi ahli.

Agenda perancangan resolusi. Kami telah mewacanakan topik-topik berkaitan resolusi melalui penganjuran NRS yang kedua, bertemakan "Membangunkan Kebolehselesaian Secara Kolaboratif: Menerapkan Dasar Kepada Amalan". Simposium tersebut menghimpunkan 450 peserta, termasuk pakar tempatan dan antarabangsa serta pengurusan kanan daripada institusi kewangan. PIDM telah mencapai objektifnya menerusi penganjuran NRS 2024 sebagai satu platform bagi pihak berkepentingan PIDM untuk bertukar dan berkongsi pandangan dan pengalaman sebenar. Antara pengajaran utama adalah berkenaan pengurusan krisis institusi kewangan ke arah pelaksanaan praktikal bagi persediaan menghadapi krisis, terutamanya pelaksanaan resolusi yang lebih teratur apabila berlaku kegagalan institusi ahli. Pada simposium tahun 2025 akan datang, kami akan menggiatkan lagi perbincangan berkaitan resolusi dan meneruskan kerjasama erat dengan pihak berkepentingan kami.



Kami juga telah menganjurkan mesyuarat dengan pihak berkepentingan yang berkaitan sebagai sebahagian daripada usaha berterusan untuk mengukuhkan kerjasama rentas sempadan mengenai perancangan resolusi. Mesyuarat tersebut, yang dihadiri oleh peserta daripada pihak berkuasa penyeliaan dan resolusi negara lain, telah membincangkan perkembangan dan pelaksanaan perancangan resolusi di negara lain, cabaran yang timbul daripada kesalinghubungan rentas sempadan dan kerjasama masa depan dalam bidang yang tertentu.

Insentif kebolehselesaian. PIDM telah menerbitkan Garis Panduan mengenai Rangka Kerja Sistem Premium Berbeza bagi Anggota Penerima Deposit untuk pelaksanaan Peraturan Sistem Premium Berbeza yang telah disemak semula dan diwartakan pada tahun 2023. Rangka kerja Sistem Premium Berbeza yang disemak semula menetapkan penilaian yang menyeluruh dan mantap terhadap profil risiko bank ahli, serta memberi insentif berkenaan aspek kebolehselesaian melalui pengenalan kriteria bertumpukan resolusi. Kebolehselesaian bank ahli membolehkan proses resolusi yang pantas dan efektif bagi bank ahli yang mengalami kegagalan dalam situasi kritikal. Rangka kerja ini akan berkuat kuasa pada tahun 2025 selepas tempoh peralihan dua tahun dari tarikh diwartakan.

KRA 3: (Jaringan Keselamatan Kewangan-Bersedia) Pengaturan pengurusan krisis yang efektif bersama dan antara peserta jaringan keselamatan kewangan

Di PIDM, persediaan menghadapi krisis adalah sesuatu usaha yang berterusan. Ketika waktu operasi seperti biasa, kami memupuk hubungan kerja yang kukuh dan kolaboratif bersama peserta jaringan keselamatan kewangan untuk memastikan koordinasi yang teratur ketika situasi krisis.

Koordinasi antara agensi. Kami telah menyempurnakan *interagency crisis preparedness binder* yang memperincikan koordinasi pengaturan antara agensi berkaitan ketika berlakunya krisis, bagi membantu persediaan menghadapi krisis PIDM. Penyediaan *interagency crisis preparedness binder*, yang telah melalui pelbagai fasa libat urus dan sesi perbincangan, menyumbang kepada koordinasi dan perancangan yang lebih baik bagi persiapan latihan simulasi krisis antara agensi yang komprehensif.

Tonggak Strategik 2: Meningkatkan Keyakinan terhadap Sistem Perlindungan dan Mandat Resolusi PIDM


Meluaskan pendekatan kesedaran awam PIDM dengan memanfaatkan tema literasi kewangan dan mengoptimumkan penggunaan saluran komunikasi digital PIDM untuk mempromosikan peranan PIDM sebagai pihak berkuasa perlindungan konsumen kewangan serta pihak berkuasa resolusi kebangsaan bagi institusi ahli PIDM. Tonggak Strategik 2 disokong oleh dua bidang keputusan utama.

Inisiatif utama yang menyumbang kepada kos Tonggak Strategik 2

- Pengiklanan digital dan media sosial
- Kempen Sedia Payung Kewangan (SPK) dan program capaian di Sabah dan Sarawak
- Lawatan sambil belajar, penganjuran dan penyertaan dalam forum antarabangsa dua hala dan pelbagai hala
- Penglibatan media dan membangunkan naratif baharu berkaitan resolusi

Tonggak Strategik 2: RM4.0 juta

Orang Awam dan Media-Bersedia
RM3.6 juta



Menambah baik skop perlindungan dan peranan PIDM
RM0.4 juta

Penambahbaikan kepada modal



Modal insan



Modal intelektual



Modal sosial dan perhubungan

KRA 4: (Orang Awam dan Media-Bersedia) Mengekalkan kesedaran, pemahaman dan advokasi yang kukuh dalam kalangan orang awam dan media

Kepercayaan dan keyakinan orang awam menyumbang kepada kesediaan PIDM. Adalah penting bagi orang awam dan media untuk mempunyai pengetahuan yang mencukupi tentang mandat dan peranan PIDM, terutamanya sebagai pihak berkuasa resolusi.

Kesedaran dan advokasi orang awam. Menerusi kandungan literasi kewangan sebagai tunjang utama, kami menjalankan program kesedaran bagi orang awam khususnya melalui kempen SPK di samping memanfaatkan platform digital dan media sosial sebagai saluran komunikasi utama. Kami juga bekerjasama rapat dengan Jaringan Pendidikan Kewangan (*Financial Education Network – FEN*) untuk mengoptimumkan usaha dan sumber dalam menyokong agenda literasi kewangan negara, di samping memaksimumkan akses dan capaian kepada sasaran khalayak yang lebih ramai.



Kami telah menjalankan tinjauan kesedaran awam tahunan di seluruh negara melalui agensi penyelidikan bebas untuk menilai keberkesanan dan pencapaian inisiatif kesedaran awam kami. Tinjauan pada tahun 2024 telah dijalankan dengan saiz sampel yang lebih besar seramai 3,000 responden, untuk mengukur tahap kesedaran awam dan advokasi tentang PIDM. Bagi tahun 2024, kami telah mengekalkan tahap kesedaran awam pada 75%, seperti yang disasarkan dan mencapai tahap advokasi pada 56%, lebih tinggi daripada sasaran 50%.

Capaian ke Sabah dan Sarawak. Dengan kejayaan program capaian di Sabah pada tahun 2023, kami telah meluaskan program capaian pada tahun 2024 ke Sarawak dengan kerjasama beberapa rakan kongsi FEN. PIDM telah mengadakan pertemuan dengan pejabat-pejabat Bank Negara Malaysia, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit di wilayah Kuching, serta Pejabat Perbendaharaan Persekutuan Sarawak. Kami juga telah menganjurkan Cabaran FinFit (*Financial Fitness Challenge*) Edisi Malaysia Timur bagi institusi pengajian tinggi yang mana peringkat akhir cabaran tersebut telah berlangsung di Karnival Celik Kewangan FEN di Kuching.



Penglibatan bersama media. Kami telah menjalankan beberapa siri mesyuarat dan sesi penglibatan bersama editor media untuk menjelaskan naratif PIDM sebagai pihak berkuasa resolusi bagi institusi ahli dalam usaha menjadikan pihak media lebih bersedia untuk menjalankan peranan mereka ketika berlakunya intervensi dan resolusi. Aktiviti penglibatan bersama pihak media bagi tahun 2024 diakhiri dengan kehadiran wakil media di NRS 2024, dan sesi meja bulat media.

KRA 5: Meningkatkan keberkesanan dan kerelevanan perlindungan serta peranan PIDM selaku pihak berkuasa perlindungan konsumen kewangan

Kami sentiasa menyemak semula dan menanda aras kecukupan dan kerelevanan skop perlindungan PIDM untuk memastikan sistem perlindungan yang ditadbir PIDM kekal efektif.

Penambahbaikan berterusan. Kami sentiasa menyemak semula dan menanda aras sistem perlindungan PIDM dengan bidang kuasa lain melalui hubungan antarabangsa kami yang kukuh untuk mengemas kini dan mempertimbangkan dasar baharu yang boleh menambah baik keberkesanan peranan PIDM. Pada tahun 2024, PIDM telah dilantik sebagai Naib Pengerusi Jawatankuasa Serantau Asia-Pasifik untuk tempoh tiga tahun, serta ahli Jawatankuasa Majlis Dasar (*Policy Council Committee*) International Association of Deposit Insurers (IADI). Jawatan kepimpinan ini memberi peluang kepada PIDM untuk menyumbang kepada agenda pengubalan dasar.

Kami meneruskan penyertaan secara aktif dalam forum dua hala dan pelbagai hala, menyumbang kepada wacana global dan serantau dan memanfaatkan perkongsian pengetahuan mengenai topik insurans deposit, skim jaminan insurans, resolusi dan pengurusan krisis. Kami juga telah memulakan program peminjaman kakitangan pertama dengan rakan sejawat kami di Indonesia untuk berkongsi pandangan dan pengalaman lanjut dalam bidang intervensi dan resolusi perbankan serta skim jaminan insurans.



Tonggak Strategik 3: Menjayakan Kesediaan PIDM melalui Keberkesanan Organisasi, Transformasi Digital dan Tadbir Urus Kukuh


Membina asas yang kukuh untuk menghadapi perubahan dengan menerapkan asas budaya digital dan kelestarian dalam kalangan kakitangan dan melengkapkan mereka dengan kemahiran menerajui masa depan, menggunakan analitik data untuk meraih keputusan yang baik, merekayasa semula proses operasi teras dan infrastruktur teknologi, serta memodenkan aplikasi sistem kami dengan pengukuhan keselamatan di samping mengekalkan tadbir urus yang kukuh dan operasi yang efektif. Tonggak Strategik 3 disokong oleh empat bidang keputusan utama.

Inisiatif utama yang menyumbang kepada kos Tonggak Strategik 3

- Program pemodenan infrastruktur teknologi dan aplikasi sistem
- Geran kepada FIDE FORUM
- Program Biasiswa Sarjana Muda PIDM dan inisiatif kelestarian
- Inisiatif keselamatan siber
- Persidangan Dalaman dan perbincangan meja bulat tentang Risiko dan Kawalan Dalaman dengan peserta jaringan keselamatan kewangan

Tonggak Strategik 3: RM6.1 juta

Bakat dan
keupayaan
yang mantap
RM0.1 juta



Memodenkan
infrastruktur
teknologi
maklumat
RM0.9 juta

Menerapkan nilai
ESG dalam operasi
RM4.7 juta

Digitalisasi dan
analitik data
RM0.4 juta

Rujuk Ringkasan Prestasi Kewangan di seksyen ini untuk perbelanjaan pengurusan modal insan dan perbelanjaan pembangunan kami

**Penambahbaikan
kepada modal**



**Modal
insan**



**Modal
intelektual**



**Modal
pembangunan**



**Modal
sosial dan
perhubungan**

KRA 6: Memastikan bakat dan keupayaan yang mantap dan memperkukuhkan budaya PIDM

Kakitangan yang cekap serta budaya kerja yang mantap dan tangkas adalah penting untuk PIDM, terutamanya dalam persekitaran operasi digital yang berkembang pesat. Sesi libat urus bersama kakitangan yang efektif dan penyediaan latihan untuk kemahiran baharu di samping budaya yang bertumpukan inovasi digital dan kelestarian, akan menyediakan kakitangan kami untuk menangani cabaran masa depan dan dapat sentiasa memenuhi objektif strategik PIDM.

Peningkatan kemahiran dan latihan semula. Kami meneruskan pelaksanaan rangka kerja pembelajaran dan pembangunan yang dipertingkatkan untuk melengkapkan kakitangan kami terutamanya dalam kemahiran digital, kecekapan berkaitan resolusi serta kecekapan kepimpinan. Kami juga telah melancarkan siri pembelajaran dalam talian mengenai ciri dan fungsi yang dipertingkatkan bagi platform produktiviti awan seperti Microsoft 365 (M365), dengan tujuan memperkukuh budaya kerja yang lebih kolaboratif dan efektif. Kumpulan kedua Pelatih Resolusi kami juga telah menamatkan latihan, sekali gus menambah kepada bilangan kakitangan dalam bidang resolusi.

Penglibatan kakitangan. Kami terus mengukuhkan budaya organisasi kami melalui program penglibatan bersama kakitangan termasuk sesi *town hall* suku tahunan, *team building*, hari kesedaran dan keselamatan, ceramah kesihatan dan kesejahteraan, kursus kesedaran korporat, serta pelbagai acara yang dianjurkan oleh Kelab Sukan, Rekreasi dan Kebajikan PIDM.



Penglibatan dengan komuniti Kementerian Kewangan. Pada tahun 2024, PIDM telah menjadi penganjur bersama² Pesta Sukan Kementerian Kewangan ke-46 untuk 13 agensi di bawah Kementerian Kewangan. Tema “Sukan Lestari Membentuk Madani” menumpukan kepada kelestarian dan semangat setia kawan melalui acara sukan. Acara ini telah memberi peluang kepada kami untuk bekerjasama sebagai satu pasukan yang menerapkan semangat kekitaan, di samping memupuk perpaduan dan kerjasama erat dengan agensi lain.



KRA 7: Memodenkan infrastruktur, proses dan keselamatan teknologi maklumat PIDM untuk menambah baik kesediaan masa depan untuk melaksanakan mandat kami

Matlamat strategik PIDM adalah untuk mempunyai infrastruktur teknologi yang memenuhi keperluan masa depan, memanfaatkan teknologi awan untuk mencapai kecekapan operasi yang lebih mampan, serta kerjasama dan penglibatan yang efektif dalam kalangan kakitangan, disokong oleh standard keselamatan siber yang kukuh dan moden.

Keselamatan siber. Pada tahun 2024, kami mencapai pensijilan ISO/IEC 27001:2022, iaitu peralihan daripada standard tahun 2013 sebelumnya. Ini merupakan satu pencapaian yang membanggakan hasil daripada usaha berterusan kami untuk meningkatkan daya tahan siber di mana PIDM turut diiktiraf oleh CyberSecurity Malaysia atas pematuhan terhadap standard Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (*Information Security Management System*). Pengiktirafan ini menunjukkan bahawa PIDM, sebagai sebuah organisasi, telah berjaya menanda aras dan menyelaraskan operasinya dengan amalan terbaik yang diterima dan diiktiraf di peringkat global berkaitan sistem pengurusan keselamatan maklumat. Kami juga terus mengukuhkan keselamatan siber dengan latihan siber tahunan serta pelaksanaan kawalan keselamatan siber yang mantap dalam menyokong perjalanan transformasi digital kami.



Pemodenan infrastruktur dan aplikasi teknologi. PIDM meneruskan pelaksanaan pelbagai inisiatif pemodenan berasaskan platform awan yang memastikan keutamaan kawalan keselamatan siber dalam melindungi data kami. Pada tahun 2024, kami telah menambah baik pengalaman kerja kakitangan serta kerjasama di seluruh PIDM melalui pelaksanaan M365 dan pelancaran sistem pengurusan modal insan baharu. Teknologi baharu yang ada telah mengukuhkan lagi operasi pentadbiran dan meningkatkan keupayaan analitik. Kami juga telah memindahkan Pusat Pemulihan Bencana kami daripada infrastruktur di premis kepada fasiliti lokasi bersama (*co-location*) – suatu anjakan penting dalam pendekatan kami untuk memanfaatkan fasiliti boleh diurus dan boleh skala, sejajar dengan inisiatif penggunaan awan.

KRA 8: Memanfaatkan aplikasi sistem dan analitik data untuk meningkatkan kesediaan resolusi PIDM

Analitik data yang mantap dan asas kukuh dalam dasar dan tadbir urus data adalah penting bagi PIDM menambah baik penggubalan strategi dan pembuatan keputusan berasaskan data.

Agenda analitik data. Kami telah memulakan pelaksanaan Platform-as-a-Service (PaaS) untuk sistem penilaian risiko dan sistem korporat berkaitan resolusi. Penggunaan PaaS akan meningkatkan gabungan data dan kolaborasi, serta menyelaraskan integrasi antara sistem. Kami juga telah menubuhkan fungsi khusus yang menerajui inisiatif tadbir urus dan pengurusan data, serta membangunkan rangka kerja tadbir urus dan pengurusan data, untuk meningkatkan keupayaan data dan menyokong kecemerlangan operasi.




² Anjuran bersama Bursa Malaysia dan Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam

KRA 9: Menerapkan aspek alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) sebagai hala tuju utama dalam operasi PIDM

Mengekalkan piawaian tadbir urus yang tinggi sentiasa menjadi keutamaan kepada PIDM. Ini adalah selaras dengan fokus Kerajaan bagi memperkukuh tadbir urus sektor awam.

Pembinaan budaya dan rangkaian hubungan. Buat julung kali, PIDM telah menganjurkan Persidangan Dalam-dalam yang dihadiri oleh semua kakitangan dan Lembaga Pengarah berkenaan topik tadbir urus khususnya berkaitan dengan etika dan rasuah, keselamatan siber dan tadbir urus Syariah. Kami juga telah menganjurkan perbincangan meja bulat yang menghimpunkan pakar risiko dan audit dalaman daripada peserta jaringan keselamatan kewangan yang lain untuk berkongsi pandangan dan pengalaman praktikal tentang perkembangan terkini dalam risiko dan kawalan yang berkaitan dengan keselamatan siber dan kecerdasan buatan.

Kelestarian di bawah satu bumbung. Pada tahun 2024, kami telah menempatkan semula operasi kami ke satu lokasi di Bangunan AICB. Langkah ini telah membawa kepada kecekapan kos yang lebih baik dengan pengurangan sebanyak 40% ruang pejabat daripada premis pejabat kami sebelum ini. Dalam usaha meningkatkan amalan ESG, kami telah menggunakan bahan mesra alam semasa pengubahsuaian pejabat. Kami juga dapat mengurangkan jejak karbon dari perspektif penggunaan tenaga dengan memindahkan operasi kami ke bangunan hijau.



Tanggungjawab Sosial Korporat. Kami meneruskan Program Biasiswa Sarjana Muda PIDM yang selama 15 tahun telah berjaya membantu pelajar Malaysia yang layak dan memerlukan bantuan untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat tinggi di universiti tempatan. Pada tahun 2024, 20 pelajar telah dianugerahkan biasiswa, menjadikan jumlah pelajar yang ditaja meningkat ke 248 sejak program ini diperkenalkan.

